

# Jabatan pertahanan fakta laporan seks oral

31 AUG 2001

IPOH, Rabu — Jabatan Pendidikan Perak mempertahankan fakta bahawa laporan kejadian seks oral membabitkan empat murid Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam, pada 15 Ogos lalu, dibuat selepas lima hari kejadian bukannya sehari seperti didakwa.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah, berkata tidak ada laporan bertulis termasuk lisan dikemukakan oleh pengetua, Tengku Habsah Tengku Petera, dalam tempoh kurang lima hari selepas kejadian.

Beliau berkata, mengikut prosedur jabatan, aduan dalam bentuk hitam putih atau bertulis saja diterima sebagai laporan rasmi, bukannya melalui percakapan atau pesanan.

“Saya diberitahu oleh jabatan bahawa tidak ada laporan rasmi dibuat dalam tempoh sehari selepas kejadian.

“Saya tidak tahu pula jika Tengku Habsah ada salinan laporan yang dibuat dalam tempoh sehari bukannya lima hari seperti yang didakwanya,” katanya kepada *Berita Harian* di sini, hari ini.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama (LMS), Mohd Arbi Hamzah, ketika dihubungi hari ini juga memberi jawapan yang sama.

Mohd Arbi berkata, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, sudah menjelaskan bahawa laporan kes seks oral itu dibuat kepada Jabatan Pendidikan negeri lima hari selepas kejadian itu.

Beliau berkata, soal bila Tengku Habsah mengemukakan laporan berhubung kes seks oral itu tidak perlu dipersoalkan kerana semuanya sudah dijelaskan oleh Abdul Rafie.

“Laporan lengkap kejadian seks oral itu sudah dihantar kepada Ketua Pengarah Pendidikan. Ini termasuk fakta bahawa laporan kes berkenaan dibuat lima hari selepas kejadian.

“Kita ikut saja apa yang dinyatakan oleh Abdul Rafie bahawa kes seks oral itu dilaporkan lima hari selepas kejadian,” katanya.

Mohd Arbi berkata demikian ketika diminta mengulas kekeliruan fakta mengenai bila aduan kes seks oral itu dibuat kepada PPD dan jabatan apabila ada pihak mendakwa laporan itu dibuat sehari selepas kejadian.

Sumber memberitahu, kejadian seks oral membabitkan empat murid Tahun Dua itu dilaporkan kepada PPD pada 16 Ogos lalu, iaitu sehari selepas kejadian itu.

Sumber itu berkata, laporan lengkap mengenai kejadian itu dikemukakan kepada PPD dan Pegawai Perhubungan Sekolah sehari selepas kejadian itu.

Katanya, laporan polis kemudian dibuat pada 20 Ogos lalu.

Baru-baru ini, Tengku Habsah mendedahkan kes empat murid Sekolah Kebangsaan Methodist, melakukan seks oral sehingga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tengku Habsah mendakwa, empat murid Tahun Dua sekolah itu melakukan seks oral di bawah meja dalam bilik darjah.